



**Teks Ucapan**  
**YM Datuk Peguam Cara Negara**  
**Perhimpunan Suku Tahunan**  
**Jabatan Peguam Negara (AGC)**  
**Bilangan 1 Tahun 2019**

Tarikh:

**26 Mac 2019 (Selasa)**

Masa:

**8.30 pagi**

Tempat:

**Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof**

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pengarah Bahagian Pengurusan selaku penganjur Perhimpunan Suku Tahunan Jabatan Peguam Negara (AGC) pada kali ini,

Ketua-Ketua Bahagian dan Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT) kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul dalam Perhimpunan Suku Tahunan AGC Bilangan 1 Tahun 2019.

2. Pelaksanaan perhimpunan ini adalah bagi memenuhi Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2000. Dalam konteks AGC, perhimpunan ini lebih sesuai diadakan setiap suku tahun dan dianjurkan secara bergilir-gilir antara Bahagian di AGC menjadi salah satu platform bagi Peguam Negara dan Pengurusan Tertinggi AGC untuk berkongsi maklumat terkini serta memberi

peluang Pengurusan Tertinggi AGC bertemu dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan warga AGC daripada pelbagai Bahagian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Kesetiaan Penjawat Awam kepada Negara**

3. Dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 11 Februari yang lalu, YAB Perdana Menteri dalam ucapannya telah mengingatkan penjawat awam mengenai kesetiaan penjawat awam kepada negara. Beliau menegaskan bahawa kesejahteraan negara dan kebaikan negara adalah lebih utama berbanding dengan kesetiaan kepada pemimpin atau parti. Oleh itu, penjawat awam mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan keputusan dan dasar-dasar yang diputuskan oleh Kerajaan.

4. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengingatkan warga AGC untuk memahami dan mendukung prinsip *neutrality* dan *impartiality* dalam melaksanakan tugas. Ini bermaksud bahawa penjawat awam perlu bersikap berkecuali dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

5. Dalam kes *Zulkifli bin Hashim v Officer in Charge of Police District, Barat Daya & Ors & another appeal* [2010] 2 MLJ 616, Mahkamah Rayuan telah mengulas seperti yang berikut:

“..... The constitutional protection accorded to members of the public services by Article 135 of the Constitution is to ensure the impartiality and neutrality of members of the public services in carrying out their functions; meaning to ensure that they would carry out their duty fearlessly, faithfully (but lawfully, obeying only lawful orders and directives) regardless of the political colour of the government of the day without fear of reprisal .....”

### **Kepentingan Mengambil Tindakan Dengan Cepat**

6. Dalam melaksanakan setiap tanggungjawab pula, kualiti penyampaian perkhidmatan amat dititikberatkan. Perkara ini dibangkitkan dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 3 Tahun 2019. Mesyuarat tersebut memberi peringatan supaya setiap Kementerian dan Agensi mengambil tindakan segera terutamanya apabila menerima arahan daripada Pejabat YAB Perdana Menteri. Saya harap semua Ketua Bahagian dapat mengambil perhatian berhubung peringatan tersebut.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Waktu Bekerja Fleksi**

7. Saya yakin semua telah maklum berhubung Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi Secara Rintis mulai 1 Mac 2019. Saya menyeru agar semua warga AGC dapat memberi komitmen kepada projek rintis yang dijalankan ini dan memastikan perkara ini dilaksanakan dengan penuh berintegriti. Saya juga berharap fleksibiliti yang diberikan ini tidak disalahgunakan kerana walau apa pun kita perlu bekerja selama sembilan (9) jam setiap hari. Diharapkan, pemantauan yang sewajarnya dibuat di peringkat Bahagian.

### **Isu Kebocoran Rahsia Rasmi Kerajaan**

8. Isu kebocoran Rahsia Rasmi Kerajaan menjadi semakin kompleks seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Oleh itu Kerajaan memandang serius terhadap mana-mana penjawat awam yang membocorkan maklumat rahsia negara kerana melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972. Saya menyeru agar semua warga AGC lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam

penyebaran maklumat supaya tidak mendatangkan implikasi negatif yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Warga AGC yang saya kasihi sekalian,

### **Semangat Berpasukan**

9. Dalam setiap organisasi, kerjasama dan semangat berpasukan adalah penting bagi membangunkan organisasi tersebut. Budaya bekerja “in-silo” hendaklah dikikis kerana ia tidak memberi manfaat kepada organisasi. Justeru, kerjasama dan kolaborasi antara Bahagian di AGC perlu diteruskan. Ini bukan konsep yang baharu tetapi sesuatu yang diamalkan oleh semua organisasi yang ingin berjaya, sama ada organisasi perniagaan/komersial atau institusi awam. Saya ingin melihat warga AGC meningkatkan lagi semangat “esprit de corps” sesama kita kerana kita mempunyai tujuan yang sama iaitu mendukung visi dan misi Jabatan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Pengurusan selaku penganjur Perhimpunan Suku Tahunan pada kali ini dan kepada semua pihak yang telah terlibat.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan kalimah Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.